

Muhamad Anas
Dollah



Muhamad Anas Dollah
Bendahari Agung Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia

Mahasiswa berprestasi di kampus

Hakikatnya, setiap manusia memiliki kesempatan yang sama untuk meraih prestasi dan menggapai impian mahasiswa yang diidamkan.

Segala kekurangan dimiliki tidak harus dijadikan alasan individu sehingga tidak berprestasi. Tokoh besar yang menakluki dunia juga adalah individu memiliki kekurangan.

Contohnya, Helen Keller yang lahir di Tuscumbia, Alabama pada 27 Jun 1880, dalam keadaan buta dan tuli, namun berjaya menjadi penulis, aktivis politik dan kaya di Amerika Syarikat, bahkan kisah hidupnya meraih Piala Oscar.

Mahasiswa juga adalah insan terpilih, individu berprestasi nasibnya lebih baik daripada anak bangsa lainnya tidak mendapat kesempatan yang sama.

Namun, belum semua mahasiswa memanfaatkan kesempatan yang ada untuk mengukir prestasi sebaik-baiknya, hanya sebahagian sahaja meraih prestasi gemilang.

Mahasiswa yang dibebani predikat berprestasi, seharusnya proaktif mendukung

perubahan dan pembaikan dalam masyarakat atau paling tidak di kampus masing-masing.

Pertama, mahasiswa sebagai ejen motivator bagi mahasiswa lain yang berada di alam kampus. Corak kesedaran dan kebangkitan semula harus ditumbuhkan oleh mahasiswa lebih dahulu memiliki kesedaran mengenai semangat berprestasi.

Semangat berprestasi juga terkadang harus dilihat dengan keadaan daripada luar, antaranya ialah dengan melihat kejayaan orang lain terlebih dahulu.

Mahasiswa berprestasi hendaklah dapat membawa semangat itu kepada mahasiswa lain. Prestasi diraih mahasiswa di alam kampus, sedikit sebanyak akan memberi pengaruh terhadap mahasiswa lain terutama yang memiliki potensi dan kelebihan tertentu.

Pengaruh itu boleh sahaja menimbulkan idea ke arah yang positif sehingga muncul corak kesedaran sihat dan akhirnya lahir motivasi untuk berprestasi dalam kalangan mahasiswa kampus.



Mahasiswa berprestasi harus menjadi **contoh yang kreatif dan inovatif selain pemimpin berkaliber** dengan berfikir luar kotak.

Mahasiswa perlu berfikir global dan universal daripada pelbagai sudut dan idea dalam perkara yang dilakukan. Seorang mahasiswa berprestasi tidak selayaknya berfikir misalnya mengukur keberhasilan menerusi pencapaian akademik sahaja.

Berfikir global adalah berfikir besar secara menyeluruh dalam ruang lingkup yang lebih besar. Berfikir sosial dengan cara lebih terbuka terhadap mahasiswa lain mengikut lingkungan kampus dan suasana keadaan di alam kampus.

Berfikiran lebih terbuka Mahasiswa itu kemudian

matlamat dan arah daripada tujuan akhir individu berkeinginan.

Orientasi seorang mahasiswa hendaklah tidak hanya terpaku pada kejayaan pribadi, tetapi juga memperhatikan insan sekeliling, menumbuhkan sikap toleransi, bersilaturahmi dan peka terhadap setiap keadaan kampus.

Mahasiswa juga perlu melakukan pertukaran idea dan pandangan bagi berkongsi pengetahuan dan kemahiran insaniah yang lebih baik daripada mahasiswa pada umumnya.

Namun, tiada guna jika kelebihan itu membuat seseorang menjadi sombong atau sekadar ingin memilikinya sendiri. Semangat berkongsi pengetahuan dan kemahiran insaniah dilakukan menerusi perbincangan ilmiah atau membimbing rakan yang kurang aktif di kampus.

Kedudukan mahasiswa berprestasi yang sama seperti mahasiswa lain dapat memudahkan bertukar-pengetahuan antara satu sama lain.

Jadi ikutan

Seterusnya, mahasiswa juga perlu menjadi ketua yang berpengaruh dan menjadi ikutan dalam pelbagai sudut. Jika dalam dunia kampus yang kompleks dengan pelbagai pemikiran ini maka

untuk mengimbanginya perlu kepada mahasiswa menjadi ketua atau pembuka jalan untuk melakukan perubahan baru demi kemajuan kampus.

Mahasiswa berprestasi harus menjadi contoh yang kreatif dan inovatif. Kemudian menjadi pemimpin berkaliber dengan berfikir luar kotak dan akhirnya kebaikan dimiliki oleh beberapa orang berprestasi itu mampu menjadi teladan baik bagi mahasiswa lain.

Perkara seperti di atas hanya perkara yang perlu diambil berat di kampus jika individu berprestasi dapat mula melakukannya, maka diharapkan dapat menjadi perubahan di kampus ke arah lebih baik.

Pada dasarnya, iklim akademik di kampus adalah menjadi tanggung jawab mahasiswa juga. Tidak dapat dinafikan bahawa tenaga pengajar tidaklah menjadi satu-satunya sumber memperoleh pendidikan, namun proses pendidikan selama di kampus jauh lebih banyak untuk didapatkan dengan mahasiswa dalam pergaulan.

Dunia kampus juga menjadi tempat yang paling strategik dalam pencarian jati diri seorang mahasiswa. Walaupun ramai insan mendapatkan masa depannya dari kampus, namun tidak kurang juga individu kehilangan masa depannya di kampus.

Mahasiswa yang berminat untuk menghantar rencana, boleh e-mel ke bhvarsiti@bh.com.my